

Serangan psikologi mainan licik operasi Macau Scam

Masyarakat di negara ini tiada kesedaran tinggi mengenai jenayah penipuan Macau Scam walaupun ramai yang sudah terpedaya.

Pihak berkuasa sering menasihatkan masyarakat supaya berwaspada dengan tidak mendedahkan nombor akaun bank atau maklumat peribadi kepada orang tidak dikenali, tetapi ramai memandang enteng nasihat itu.

Di Negeri Sembilan umpamanya Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK) Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd Ghani, memaklumkan dalam tempoh Januari hingga 16 Jun lalu, sebanyak 127 kes Macau Scam direkodkan dengan nilai kerugian RM3.6 juta berbanding 72 kes dengan nilai kerugian RM1.5 juta bagi tempoh sama pada 2019.

Beliau memaklumkan Macau Scam tidak berlaku dari aspek penipuan menggunakan isu dadah atau pengu-

bahan wang haram, tetapi turut membabitkan perjudian, percintaan dan perniagaan (dalam talian atau bersemuka).

Ada dua perkara memudahkan kejadian Macau Scam. Pertama, psikologi mangsa dan kedua peralatan.

Psikologi seseorang yang aman dan selesa akan bergelora apabila menerima panggilan daripada polis, pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), penguat kuasa Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN), pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau pegawai kastam terutama apabila mengaitkan diri dengan insiden boleh menjejaskan masa depan mereka.

Mangsa menjadi panik, takut, cemas, gelisah dan berdebar-debar apabila dikatakan melakukan kesalahan berat.

Menurut Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd Faisal, sindiket Macau Scam pandai bermain dengan psikologi agar mangsa gentar dan menurut permintaan mereka.

Oleh itu, apabila mangsa digertak terbabit kes dadah, pengubahan wang haram, langgar lari, tunggakan kad kredit, hutang pinjaman, mempunyai kes mahkamah atau saman mahkamah dan sebagainya, mangsa akan rasa gemetar.

Sindiket menggunakan teknik *spoofing*, iaitu teknik yang mereka akan berhubung menggunakan platform *voice over internet protocol* (VoIP).

Ia membolehkan mereka meletakkan sebarang nombor telefon seperti balai polis tertentu untuk memperdaya mangsa bahawa panggilan dibuat daripada nombor sah.

Kebanyakan sindiket menggunakan nama polis untuk melakukan penipuan Macau Scam.

Tindakan mereka mewujudkan perasaan paradoks dalam kalangan masyarakat sama ada hendak percaya atau tidak.

Kebiasaannya, sindiket akan meninjau dan mengenal pasti mangsa sebe-

Modus operandi Macau Scam




1 Mangsa terima panggilan - pemanggil biasanya mendakwa polis atau pekerja syarikat tertentu menyatakan mangsa menghantar bungkusan mengandungi kad pengenalan serta kad bank miliknya, melakukan perjudian atau terbabit pengubahan wang haram.

2 Panggilan disambung kepada 'pegawai' berpangkat tinggi.



3 Pegawai membacakan kes dihadapi mangsa yang boleh diambil tindakan undang-undang seperti dipenjarakan beberapa tahun.



4 Pegawai mencadangkan pindahan wang yang banyak untuk mengelak ditahan atau dikenakan tindakan lain

5 Mangsa mula pindahkan wang ke akaun diberikan sindiket (biasanya melalui beberapa rekod transaksi)



6 Sindiket tidak boleh dihubungi dan mangsa mula sedar tertipu



lum bertindak. Kemungkinan juga mereka mempunyai akses tertentu untuk melihat akaun seseorang mangsa.

Telefon digunakan sebagai alat untuk memanggil mangsa bagi membuktikan suasana di pejabat atau balai bagi meyakinkan mangsa. Setiap panggilan disambungkan kepada seorang lagi seolah-olah orang kedua yang bercakap itu adalah polis berpangkat tinggi.

Kemuncak tindakan mereka ialah meminta mangsa memindahkan sejumlah wang besar ke akaun tidak diketahui jika tidak mahu dikenakan tindakan undang-undang.

Dari aspek mangsa, kebanyakannya wanita berusia, pesara lelaki dan golongan profesional masih muda. Semua mangsa mempunyai jumlah wang banyak dalam akaun bank mereka.

Persoalannya, bagaimana sindiket tahu kedudukan kewangan mangsa. Lihat sahaja guru wanita di Changlun, Kedah yang kerugian RM333,000 dan seorang jururawat di Terengganu yang rugi RM227,000.

Malah, seorang doktor muda berusia 28 tahun di Selangor juga menjadi mangsa Macau Scam dan dilaporkan kerugian RM92,000.

Mereka ini mempunyai wang banyak

dalam akaun dan mudah terpengaruh dengan dolak-dalik sindiket. Apakah mereka tidak sangsi memindahkan sejumlah wang besar dalam akaun tidak dikenali atau mereka sudah 'termakan' ilmu digunakan sindiket?

Suatu yang tidak masuk akal bagaimana pekerja profesional juga mudah mempercayai tanpa memeriksa kesahihan sesuatu perkara dan terperangkap dengan penipuan Macau Scam.

Pada 2017, Ketua Komunikasi Korporat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Urusetia Ketua Polis Negara (KPN), Datuk Asmawati Ahmad, berkata beberapa langkah boleh diambil untuk mengelak diri menjadi mangsa Macau Scam.

Pertama, jika menerima panggilan telefon daripada seseorang tidak dikenali menyatakan sesuatu kes, tenang diri dan jangan gelabah atau panik. Tarik nafas panjang dan tanya semula apa kesnya. Jika tidak yakin, tamat perhubungan.

Jika diterima panggilan semula dari nombor sama atau lain, katakan alat telefon mempunyai masalah dan diminta dijelaskan semula.

Kedua, jangan hubungi semula nombor telefon diterima. Cuba semak nombor telefon rasmi syarikat, organisasi

atau institusi terbabit untuk pengesahan lanjut. Kadang-kala sindiket menggunakan teknik *spoofing*, iaitu seseorang mungkin tinggal di Kedah, tetapi panggilan diterima daripada balai polis di Selangor.

Ketiga, jangan dedahkan nombor akaun bank, nombor kad juruwang automatik (ATM) atau kad kredit kepada orang tidak dikenali. Bincangkan kes dinyatakan pemanggil kepada sahabat atau pihak keluarga dengan segera agar mereka dapat membantu anda.

Sudah terhantuk baru tengadah ialah peribahasa sesuai perlu setiap orang ingat. Selepas berlaku sesuatu musibah baru hendak berhati-hati akan merugikan kita.

Dalam hal ini, polis berkali-kali mengingatkan orang ramai supaya jangan dedahkan maklumat peribadi kepada orang tidak diketahui atau siasat dahulu kesahihannya jika menerima panggilan mencurigakan.

Oleh itu, menjadi kewajipan kita ambil iktibar daripada kejadian dilalui orang lain untuk mengelak diri disenarai mangsa Macau Scam.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia



Dr Mohan Rathakrishnan